



BH Digital
Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my

Sebuah kereta yang tertimbus berjaya dikeluarkan pada **kejadian tanah runtuh di Kilometer 139, Jalan Jerangau-Jabor.**

[FOTO ASWADI ALIAS/ BH]

Banjir ragut dua nyawa, enam kereta tertimbus

Kemaman: Banjir di Pantai Timur yang semakin buruk semalam, meragut dua nyawa dan menyebabkan tanah runtuh di Kilometer 139, Jalan Jerangau-Jabor menimbus enam kenderaan yang diletakkan di tepi jalan itu.

Semalam, mayat Mohd Hamidi Abdul Hamid, 15, ditemui di kawasan perumahan Bukit Mentok di sini, yang dilanda banjir manakala seorang rakannya yang belum dikenal pasti identitinya, dilaporkan masih hilang.

Tenggelam 1.5 meter

Kawasan perumahan itu ditenggelami air sedalam 1.5 meter berikutan hujan lebat sejak dua hari lalu.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Che Suza Che Hitam, berkata kejadian berlaku ketika Hamidi dan rakannya dipercayai bermain dan mendayung sampan berhampiran rumah sebelum kehilangan mereka disedari keluarga.



Rumah rosak, kenderaan tertimbus

» Enam kereta, lori penduduk mahu elak banjir ditimpa runtuhannya bukit

Kereta remuk ditimbun tanah

Mangsa kejadian tanah runtuh di Kilometer 139 Jalan Jerangau-Jabor, Rafliza Husin, 25, terkejut melihat PERODUA Viva miliknya remuk sebaik dikeluarkan dari bawah timbunan tanah.

Katanya, dia meninggalkan kereta itu di tepi lereng terabit kira-kira jam 6 petang kelmarin selepas jalan masuk ke rumahnya di Kampung Air Putih, ditenggelami banjir sehingga paras pinggang.

"Kawasan itu memang tempat penduduk meletakkan kenderaan setiap kali banjir," kata juruteknik di Petronas Penapisan Melaka itu yang pulang bercuti di kampung sempena Krismas.

Rafliza berkata, dia dimaklumkan mengenai kejadian itu oleh seorang penduduk kira-kira jam 5 pagi sebelum bergegas ke tempat kejadian kira-kira dua kilometer dari rumahnya.

"Hanya pada kira-kira jam 3 petang, pasukan mencari dan menyelamatkan menemui kereta saya. Sebaik kenderaan itu diangkat, saya terkejut mendapati kereta saya remuk dan rosak teruk," katanya.

Seorang lagi mangsa, Sabri Syukri, 32, berkata dia meletakkan PROTON Persona miliknya di situ kira-kira jam 3.30 petang kelmarin di lokasi berkenaan yang agak selamat kerana sara tidak pernah dinaiki air atau dilanda runtuhannya tanah.

"Saya mendapat tahu kejadian itu kira-kira jam 4 pagi dan bersyukur kerana hanya bahagian depan kereta yang rosak. Nilai kerugian dianggarkan RM4,000," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Lubuk Lesung, Ibrahim Abas berkata, beliau risau apabila ada penduduk mendakwa ternampak sebuah kereta tertimbus bersama seseorang sedang tidur di dalamnya.



Jentolak **membersihkan tanah runtuh** di Kilometer 139 Jalan Jerangau-Jabor, manakala gambar kecil, kereta PRODUVA Viva milik Rafliza yang remuk selepas ditimbus tanah. [FOTO IMRAN MAKHZAN/BH]

Oleh Rosli Ilham dan Nojie Nadzirah
bhkt@bharian.com.my

Kemaman

Banjir yang melanda beberapa kawasan di Terengganu bukan saja memaksa ribuan penduduk dipindahkan serta kerosakan kediaman, tetapi turut menyebabkan kenderaan tertimbus dalam runtuhannya tanah.

Itu nasib dialami enam penduduk yang meninggalkan kenderaan masing-masing di tepi lereng bukit di Kilometer 139 Jalan Jerangau-Jabor, berhampiran persimpangan ke Kampung Air Putih selepas laluan masuk ke penempatan itu tidak dapat dilalui akibat ditenggelami banjir.

Dalam kejadian kira-kira jam 3.30 pagi semalam, enam kenderaan jenis PROTON, PERODUA dan

Honda bersama sebuah lori satu tan yang diletakkan di situ sejak kelmarin dan awal pagi semalam, ditimbus tanah runtuhannya tebing jalan setinggi 12 meter itu.

Terputus hubungan

Ketua Polis Kemaman, Che Suza Che Hitam, berkata sepasukan anggota polis bersama kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) bersama penduduk terpaksa berhempas pulas mengeluarkan semua kenderaan tertimbus.

"Runtuhannya juga menyebabkan 1,200 penduduk Kampung Air Putih dan Kampung Teladas terputus hubungan, namun tiada sebarang kemalangan jiwa dilaporkan walaupun terdengar dakwaan menyatakan ada yang terperangkap dalam kenderaan tertimbus itu," katanya.

Sebanyak empat jentolak dibawa ke tempat kejadian untuk

membersihkan runtuhannya sebelum berjaya mengeluarkan kenderaan yang tertimbus dan membolehkan laluan berkenaan dibuka semula kira-kira jam 5 petang.

Bina dinding penahan

Jurutera JKR Daerah Kemaman, Ir Hasmi Ahmad, berkata kejadian dipercayai berpunca daripada hujan lebat sejak dua hari lalu.

"Sebaik menerima laporan, dua jentolak dikerah ke tempat kejadian, diikuti dua lagi bagi membantu, manakala dua lori digunakan untuk mengangkut tanah yang runtuh dan melitupi sepanjang 20 meter jalan di kawasan terabit," katanya.


Hasmi berkata, susulan runtuhannya lereng bukit setinggi 20 meter itu yang juga kali pertama di daerah Kemaman, pihaknya akan membina dinding penahan di situ dengan kos dianggarkan RM2 juta bagi mengelak kejadian berulang.



Mangsa banjir di Kampung Besut, Setiu **menunggu bantuan** keselamatan selepas rumah mereka dinaiki air.



Penduduk kampung bergotong-royong **mengagihkan bekal makanan** kepada mangsa banjir di Pusat Pemindahan Bencana Banjir di Balai Raya Kampung Bukit Rambutan, Jabi. [FOTO YUSMAIZI KARIM/BH]




Anggota penyelamat **memindahkan mangsa banjir** di Tumpat, semalam.



Awang Abas bersama isterinya, Zaimah Muda melihat keadaan rumah mereka yang **hampir runtuh akibat tanah mendap** di Kampung Air Putih, Kemaman.

[FOTO ASWADI ALIAS/BH]



Ibu tunggal, Masuri Ismail **mencari baju sekolah anaknya** di dalam rumah yang musnah dilanda banjir di Kampung Galing, Kuantan, semalam.



Kenderaan pacuan empat roda **mengharungi banjir** di Jalan Hulu Seladang, Setiu.

Pautan terlucut, mangsa dihanyutkan arus deras

❶ Dari muka 1

“Keluarga mangsa melihat sampan itu kosong, lalu mencari mangsa di kawasan sekitar. Mayat pelajar itu ditemui ahli keluarganya kira-kira jam 4.30 petang tadi (semalam) berhampiran sampan berkenaan. Mangsa kemudian dihantar ke hospital, tetapi disahkan sudah meninggal dunia,” katanya.

Seorang lagi mangsa kakitangan TADIK di Bandar Permaisuri, Samhanim Ramlee, 36, lemas ketika keluar bersama suami, Wan Amran Wan Sudin melihat pukot dipasang mereka di kawasan banjir yang melanda Kampung Seri Bayas, Hulu Seladang, kira-kira jam 3 petang kelmarin.

Samhanim dikatakan berpaut pada suaminya ketika mengharungi arus deras banjir, tetapi pautan terlucut lalu terus dihanyutkan dan gagal diselamatkan Wan Amran berikutan arus terlalu deras.

Mayat tersangkut

Mayat mangsa ditemui tersangkut pada sebatang pokok, kira-kira 20 meter dari tempat kejadian sejam kemudian. Samhanim yang bertugas di sebuah TADIK di Kampung Putera Jaya, meninggalkan empat anak berusia antara empat hingga 15 tahun.

Di Kemaman, enam kenderaan yang ditinggalkan di tepi lereng bukit di Kilometer 139, Jalan Jerangau-Jabor, di persimpangan masuk ke Kampung Air Putih terimbas tanah runtuh kira-kira jam 3.30 pagi namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Sementara itu, sehingga jam 10 malam tadi 6,757 mangsa di Kelantan dan dipindahkan. Setakat jam 6 petang, 5,501 orang dari 1,670 keluarga dari tujuh jajahan iaitu Kota Bharu, Kuala Krai, Machang, Pasir Mas, Pasir Puteh, Tanah Merah dan Tumpat dipindahkan ke 38 pusat pemindahan.

Banjir turut menyebabkan laluan di Kilometer 3 Jalan Pohon

Tanjung-Pasir Pekan di Kampung Pasir Pekan Hilir, Tumpat, ditutup untuk semua kenderaan. Paras air Sungai Golok di Rantau Panjang berada pada 10.39 meter, melepasi paras bahaya 9 meter, manakala Sungai Kelantan di Jambatan Guillemard mencecah paras bahaya 16 meter.

Jumlah mangsa tertinggi

Di TERENGGANU, daerah Setiu mencatatkan jumlah mangsa banjir tertinggi apabila 2,666 penduduk dari 603 keluarga dipindahkan ke 30 pusat pemindahan setakat 3.45 petang semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir negeri berkata, sejak banjir melanda, seramai 11,489 mangsa dari 2,596 keluarga sudah dipindahkan ke 131 pusat pemindahan di seluruh negeri termasuk 2,272 dari 613 keluarga di 23 pusat pemindahan di Kemaman dan 1,983 dari 498 keluarga ke 29 pusat pemindahan di Dungun.

“**Keluarga mangsa melihat sampan itu kosong, lalu mencari mangsa di kawasan sekitar. Mayat pelajar itu ditemui ahli keluarganya kira-kira jam 4.30 petang tadi (semalam) berhampiran sampan berkenaan**”

Che Suza Che Hitam,
Ketua Polis Daerah Kemaman

FAKTA NOMBOR

1,200 penduduk

Kampung Air Putih, Kampung Teladas terputus hubungan

20 meter

jalan ditimbus runtuh tanah

19,958 mangsa

banjir di Terengganu, Kelantan dan Pahang



Guru Sekolah Kebangsaan Kampung Buloh, Setiu, **membersihkan bilik darjah** yang ditenggelami banjir.



Mangsa banjir dari beberapa kampung di **Bendang Pak Yong, Tumpat** diselamatkan anggota penyelamat selepas kawasan mereka dinaiki air [FOTO SYAMSI SUHAIMI/BH].

BH Digital



Untuk lebih gambar dan video sila layari
subscription.nstp.com.my